

**Najib Berlepas Ke Washington D.C.**  
**Bernama**  
**19 Mei, 2012**

NEW YORK, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berlepas ke Washington D.C. dari Lapangan Terbang Westchester County selepas melakukan lawatan kerja ke New York sejak Rabu.

Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, menaiki pesawat khas pada 9.45 pagi Jumaat (9.45 malam Jumaat waktu Malaysia).

Perdana Menteri mempunyai aturcara yang sibuk ketika di New York, termasuk mempengerusikan mesyuarat kedua Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) di Akademi Sains New York (NYAS) pada Rabu.

Najib turut menghadiri persidangan meja bulat perniagaan dengan pemimpin Fortune 500 Companies di Kelab Harvard New York, selain bertemu Pengerusi Lembaga dan Ketua Pegawai Eksekutif Ocean Thermal Energy Corporation Jeremy P. Feakins, Naib Presiden Eksekutif Motorola Solutions Gene Delaney serta bekas Senator Amerika Syarikat Christopher Samuel "Kit" Bond.

Dalam acara berasingan, Rosmah menerima kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif Pandu Puteri Amerika Syarikat Anna Maria Chavez dan melawat Hospital Kanak-Kanak New York-Presbyterian.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667218>